



**Anda jauh lebih  
hebat daripada  
yang anda  
fikirkan!**

RCCA See Kok Sen  
(Jurujual)

”



Sekiranya keputusan peperiksaan digunakan untuk mengukur kecerdasan seseorang, RCCA See Kok Sen pastinya tidak ‘bijak’. Beliau gagal 6 daripada 10 subjek dalam peperiksaan SPMnya, dan hampir tidak dapat berbahasa Melayu atau Inggeris. Namun hari ini, di BE, beliau memiliki jaringan yang mencakupi Malaysia, Singapura, Indonesia, Vietnam, Hong Kong, Macao hingga sejauh Melbourne!

“Ramai yang masih tertanya bagaimana saya berjaya sejauh ini dengan latar belakang akademik saya yang lemah. Kadang kala, saya bertanya diri sendiri soalan yang sama,” renung Kok Sen. Di sini, beliau mendedahkan rahsia kejayaannya.



## Jurujual yang paling rajin

Dengan keputusan peperiksaan yang buruk, Kok Sen menyedari pilihan kerjayanya terhad. "Saya bukan orang yang pandai berbicara, tetapi saya sedar bahawa pekerjaan penjualan merupakan pilihan yang tepat untuk memperoleh pendapatan tinggi kerana semakin banyak saya menjual, semakin banyak komisen yang akan saya perolehi."

Oleh itu, Kok Sen bekerja keras. Selama 10 tahun, beliau mempromosikan minuman segera kepada pemborong, pasar raya dan pasar raya besar setiap hari. Beliau hanya bercuti semasa Tahun Baru Cina. Atas usaha gigihnya, beliau merupakan salah seorang jurujual teratas.

"Saya terfikir untuk memulakan perniagaan sendiri tetapi saya tidak mempunyai modal. Walaupun bekerja keras selama satu dekad, simpanan saya adalah 'cetek'; seperti pendidikan saya," Kok Sen bergurau. "Kemudian, pada suatu hari, saya diperkenalkan kepada jualan langsung."

## Daripada menjual hingga berkongsi

Kok Sen berumur 27 tahun ketika bertemu dengan MLM. "Saya sudah biasa menjual. Oleh itu, menjual barang FMCG seperti minuman dalam tin dan kopi memang mudah. Tetapi MLM ialah perniagaan orang dan sikap MLM yang betul adalah mengenai berkongsi untuk menolong orang lain."

"Sebelum ini, saya harus meyakinkan dan bersikap tolak ansur untuk menjual. Tetapi dalam MLM, ia adalah mengenai keyakinan untuk berkongsi kerana anda yakin dengan produk anda."

"Saya biasa mendapat kepuasan dalam penjualan saya, tetapi di MLM, terutama di BE, kepuasan saya datang dari membantu orang dengan berkongsi produk dan peluang perniagaan yang baik dengan mereka. Saya mendapat kepuasan sejati apabila melihat kehidupan dan kesihatan orang lain berubah disebabkan perkongsian saya. Inilah usaha saya sepanjang hayat."



## Dari JB ke Australia

Mengakui bahawa beliau tidak cenderung pada teknologi, Kok Sen berterima kasih kepada BE kerana melatihnya menggunakan teknologi untuk menjangkaui dunia dan orang dari semua lapisan masyarakat. "Walaupun saya di Malaysia, jaringan saya telah berkembang ke negara-negara seperti Macao, Indonesia dan Australia!"

Dan pada saat-saat bergolak seperti ini, Kok Sen bersyukur dengan kehidupannya yang 'berlimpah'. "Saya dapat menyara diri sendiri dan ibu bapa saya. Saya mempunyai harta dan aset, dan dapat memperuntukkan sebahagian daripada pendapatan bulanan saya untuk tujuan amal. Saya sangat bersyukur kerana menyahut peluang jualan langsung dan menyertai BE."

Nasihat terakhir Kok Sen: "**Jangan biarkan keadaan anda sekarang menentukan masa depan anda. Anda jauh lebih banyak daripada yang anda fikirkan.** Lihatlah saya - Saya telah sampai sejauh ini kerana saya percaya saya boleh dan saya telah membuktikannya."

